

26/07/1997

Ikrar perkukuh kerjasama

PETALING JAYA, Jumaat - Menteri Luar Asean mahu setiap negara anggota mengukuhkan kerjasama bagi memelihara kepentingannya di rantau ini khususnya dalam bidang ekonomi daripada sebarang ancaman luar.

Gesaan itu dibuat berikutan kebimbangan mereka dengan usaha terancang untuk menggugat kestabilan mata wang setiap negara anggota bagi memenuhi kepentingan pihak tertentu.

Ikrar Menteri Luar Asean itu terkandung dalam Perisytiharan Bersama yang dikeluarkan selepas Mesyuarat Menteri Luar Asean (AMM) ke-30 yang berakhir di sini, hari ini.

Komitmen berkenaan selaras dengan hasrat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, yang mahukan Asean menyelaraskan tindakan mereka untuk menghadapi serangan spekulator mata wang negara serantau.

Dalam ucapan perasmian AMM ke-30 semalam, Perdana Menteri juga mahu organisasi itu mempertahankan kedaulatan mereka daripada sebarang tekanan dan campur tangan asing yang mahu menentukan hala tuju Asean.

Menteri Luar Asean hari ini turut melahirkan rasa puas hati dengan komitmen negara anggota dalam merealisasikan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) setelah lima tahun proses itu bermula.

Mereka berpendapat, walaupun anggota masih mempunyai tempoh enam tahun sebelum Afta direalisasikan sepenuhnya pada tahun 2003, hampir 91 peratus daripada semua jenis tarif dalam Asean disenaraikan dalam skim Tarif Keutamaan Berkesan Samarata (Cept) bagi memenuhi syarat pelaksanaan Afta.

Kadar purata tarif bagi barangan dalam Senarai Kandungan Cept juga menurun kepada 6.38 peratus berbanding 12.76 peratus pada 1993.

Mereka juga berpuas hati dengan hubungan dagangan di kalangan negara Asean yang semakin meningkat. Bagi setengah tahun pertama tahun lalu, kadar eksport di kalangan negara Asean mencapai lebih RM90 bilion (AS\$36.28 bilion).

(END)